

19/12/1997

Sektor awam janji beri khidmat terbaik

KUALA LUMPUR, Khamis - Kakitangan perkhidmatan awam hari ini memberi jaminan untuk bersama-sama menggembeleng tenaga dan sanggup bekerjasama dengan sektor swasta bagi membawa negara keluar daripada kegawatan ekonomi semasa.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, yang memberi jaminan itu bagi pihak 850,000 kakitangan kerajaan berkata, mereka tidak mempunyai pilihan, kecuali berusaha gigih untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti.

"Hanya melalui cara itu, kita akan dapat menjadikan negara lebih berdaya saing, terutama ketika menghadapi krisis mata wang," katanya pada Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) dan Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik, di sini, hari ini.

Majlis berkenaan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir, Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim.

Abdul Halim berkata, kakitangan di sektor awam yakin negara mampu menangani masalah ini menerusi pengurusan kewangan dan sumber tenaga manusia yang cekap, pemesatan penggunaan teknologi dan sumber maklumat serta pelaksanaan MSIO 9000.

Menurutnya, perkhidmatan awam di bawah pimpinan Dr Mahathir bertuah kerana Perdana Menteri sentiasa memberi perhatian, bimbingan serta sokongan yang kuat, terutama dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan prestasi.

Sehubungan itu, beliau berkata, salah satu usaha penting yang akan diberi perhatian oleh perkhidmatan awam ialah memastikan pelaksanaan Kerajaan Elektronik seperti yang ditetapkan kerajaan.

(END)